

## **KENYATAAN MEDIA** **Untuk siaran segera**

### **JPDC ALU-ALUKAN PENGUMUMAN Pengerang DIBERI STATUS DAN INSENTIF KHAS UNTUK INDUSTRI KIMIA DAN PETROKIMIA**

**7 Oktober 2022, Kuala Lumpur – Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)** mengalu-alukan pengumuman oleh Menteri Kewangan Malaysia semasa pembentangan Belanjawan 2023 di Parlimen hari ini bahawa Pengerang diberi status dan insentif khas untuk industri kimia dan petrokimia.

**Izhar Hifnei Ismail, Pemangku Ketua Eksekutif JPDC** berkata status khas tersebut akan meningkatkan daya tarikan **Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang** (*Pengerang Integrated Petroleum Complex, PIPC*), tapak seluas 22,904 ekar (9,269 hektar / 92.69 km persegi) di Pengerang, Johor, sebagai destinasi pelaburan industri hiliran minyak dan gas dan petrokimia.

JPDC adalah anak syarikat Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), kedua-duanya agensi Kerajaan Persekutuan melapor kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Mandat JPDC termasuk menjadi agensi teraju untuk perancangan dan penyelarasan kerja-kerja pembangunan industri hiliran minyak dan gas di PIPC, mempromosi dan memudahcara pelaburan minyak dan gas hiliran dan petrokimia masuk ke PIPC, pembangunan kelompok tenaga kerja berkemahiran yang sedia untuk diambil bekerja oleh industri serta memudahcara

penglibatan tenaga kerja dan usahawan atau perniagaan tempatan dalam pembangunan ekonomi di PIPC.

Izhar menjelaskan bahawa perancangan pembangunan PIPC merentas tempoh 25 tahun bermula 2013 hingga 2037 dan terbahagi kepada empat fasa. Dalam Fasa 1 (2013-2019), PIPC menyaksikan pembangunan dua projek pemangkin dalam aktiviti berkaitan minyak dan gas hiliran dan petrokimia. Ini termasuk pembangunan **Pengerang Deepwater Terminals (PDT)**, pusat penyimpanan minyak dan produk petroleum dengan kapasiti sehingga 5 juta meter padu, termasuk jeti air dalam, yang dimajukan oleh **DIALOG Group Berhad** dengan pelaburan bernilai RM14.71 bilion. Selain daripada itu, **PETRONAS** membangunkan **Kompleks Bersepadu Pengerang** (*Pengerang Integrated Complex*, PIC) mengandungi loji penapisan minyak, loji petrokimia dan kemudahan-kemudahan sokongan dengan pelaburan bernilai USD27 bilion. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor juga membangunkan prasarana penting untuk industri dan keperluan masyarakat di PIPC bernilai lebih RM3 bilion.

Menurut Izhar, pembangunan PIPC kini sedang melalui Fasa 2 (2020-2026) dan telah menerima pelaburan komited baharu hampir RM10 bilion, termasuk pembangunan **Pengerang Industrial Park (PIP)** oleh **Johor Corporation**.

“JPDC sedang memudahcara dan membantu tiga pihak yang telah menyatakan minat melabur di PIPC dalam menjalankan kajian kebolehlaksanaan membuat pelaburan di PIPC,” tambah Izhar. “Kami berharap status khas ini akan menjadi faktor utama bagi mereka memilih PIPC dan Pengerang sebagai destinasi pelaburan.”

Izhar turut mengalu-alukan peruntukan untuk pembinaan lorong memotong di Lebuhraya Senai-Desaru yang menghubungkan Pengerang dengan kawasan-kawasan ekonomi utama termasuk bandaraya Johor Bahru, bandaraya Iskandar Puteri, pelabuhan dan kawasan perindustrian di Pasir Gudang, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. “Lorong memotong tersebut akan membantu melancarkan aliran trafik yang semakin meningkat di Lebuhraya Senai-Desaru susulan kepada pembangunan dan operasi PIPC dan kawasan peranginan di Desaru,” tambah Izhar.

**-TAMAT-**

Kenyataan media oleh:

**Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC)**

Sekiranya ada pertanyaan lanjut, sila hantar e-mel kepada **Rofidah Azman**, Pengurus, Komunikasi Strategik di [wanrofidah@jpdc.gov.my](mailto:wanrofidah@jpdc.gov.my).